

“Zaynah Naḍīrah” dan Sayyid Shaykh al-Hādī

Tatkala al-Marḥūm Sayyid Shaykh al-Hādī menerbitkan bukunya yang bertajuk “Alam Perempuan” pada kira-kira tiga puluh tahun yang lalu, maka gambar “Zaynah Naḍīrah” seorang gadis Melayu yang terpelajar telah menghiasi bukunya itu.

Sebabnya? Kerana dialah gadis Melayu yang telah mengetuk pintu sekolah Inggeris pada zamannya, zaman sekolah Inggeris – dan sekolah Melayu juga – menjadi momok kepada kaum wanita Melayu.

Gadis utama itu telah meningkat maju dalam berbagai-bagai lapangan. Pada mulanya telah menjadi guru, menurut jejak ayahnya al-Marḥūm “Munshī Sulaymān” (Guru “maktab Melayu” Melaka). Kemudian ia meningkat sehingga menjadi “penyelia” sekolah-sekolah perempuan Melayu Johor.

Sebagai ayahnya, ia juga seorang pencinta bahasa yang gambar berkhidmat kerana perkembangan bahasa Melayu. Tidak cukup dengan buah penanya yang selalu menghiasi “Majalah Guru” (keluaran Seremban) malah ia telah menerbitkan “Bulan Melayu” majalah bulanan yang menjadi penggerak kaum ibu Melayu.

Dalam soal politik juga ia telah mengambil bahagian yang bukan kecil. Semangat cintakan kemerdekaan ketara dalam kehidupannya hari-hari. Apa benda jua yang diasingnya diberi nama tambahan “merdeka”. Sehingga sirih yang ditanamnya dinamakan “Sirih merdeka”.

Tidak pelik kalau ia pernah dipilih memimpin “kaum ibu UMNO” seluruh Malaya. Ketika menjalankan tugasnya inilah ia telah mengalami kemalangan tertembak dikaki oleh peluru pengganas komunis dalam suatu perjalanan ke utara Malaya dengan keretapi.

Ia telah terbang ke India bersama-sama Doktor Burhanudin

menghadiri suatu persidangan dan telah melawat Burma.

Baru-baru ini ia telah terbang ke Medan menghadiri kongres bahasa Indonesia. Semuanya ini menjadikan namanya lebih terkenal.

Pendidikannya, siapa yang tidak kenal “Ibu Hājah Zayn” ibu Melayu yang dihormati .

Malangnya, peristiwa Ibu Zayn bergambar dengan ibu Karno kerana di Medan telah dijadikan suatu jenaka dan telah ditulis beritanya dengan seburuk-buruknya oleh seorang wartawan yang agaknya kekurangan berita-berita yang menggemparkan untuk disajikan kepada pembacanya.

Apa kurangnya dan apa hinanya seorang ibu Melayu yang dihormati oleh kaum bangsanya maka dipandang ganjil bergembira dengan Bu Karno?

Wartawan itu menggemparkan pembacanya dengan mengatakan peristiwa Ibu Zayn bergambar adalah merosakkan upacara meletakkan batu asas “gedung arca” yang sedang dijalankan . Pada hal itu telah dinafikan oleh cikgu Maḥmūd Bin Aḥmad. Peristiwa gambar berlaku ialah sesudah tamat upacara itu. Demikian juga keterangan yang telah diberikan oleh saudara Ramli ‘Abdul Hādī dan saudara ‘Abdul Raḥman Ḥasan.

Rupanya itu tidak cukup, disiarkannya pula Ibu Zain dipeluk oleh pPesiden Sukarno kemudian dinafikan dengan mengatakan yang memeluk ialah ibu Karno.

Saya ingin tahu, apa “kualiti” wartawan-wartawan yang serupa itu? tTakkan perlu rasanya “persatuan wartawan Melayu “membuka” kursus tata tertib kewartawanan ?”

Jawapan terserah kepada yang dipertua persatuan wartawan Melayu Singapura

-Basmeh.